

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

30
MAR

USM SEDIA PELUANG UNTUK BERJAYA - MANTAN YDP MPPUSM

IMG 20160330 WA0001

USM, PULAU PINANG, 28 Mac 2016 - Pengkhususan dalam Sains Politik di Universiti Sains Malaysia (USM) memberi peluang dan persediaan kepada pelajar untuk bekerja dan berkecimpung dalam bidang politik.

Namun selebihnya adalah bergantung kepada pengalaman berpersatuan, penglibatan dalam politik kampus, pendedahan antarabangsa, sifat kepimpinan, kepelbagaiaan budaya, sifat ingin maju dan yang paling penting adalah doa dari ibu bapa.

Demikian kata alumni Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan yang kini Pegawai Khas Ketua Bahagian UMNO Tenggara merangkap ADUN Pasir Raja Johor, Muhammad Syukri Ibrahim.

Keunikan USM sebagai Universiti dalam Taman dan konsep Kampus Sejahtera memberikan suasana yang kondusif kepada warga kampus untuk menuntut ilmu selain kemudahan infrastruktur yang baik dan kakitangan akademik yang berpengalaman merupakan daya tarikan pelajar melanjutkan pengajian di sini.

"USM merupakan salah sebuah universiti ternama yang mempunyai reputasi yang baik dalam bidang pendidikan tinggi dan adalah sebuah universiti penyelidikan terbaik dalam negara, antara yang cemerlang di rantau Asia dan mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada banyak negara dunia," kata mantan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sidang 2007/2008 itu.

Tambahnya lagi, USM menawarkan kursus yang dikehendaki oleh industri dan pasaran kerja, membuka ruang yang luas dalam bidang kepimpinan dan penyelidikan kepada siswa siswi dan reputasi sebagai universiti terunggul memudahkan majikan untuk berasa yakin menerima graduan daripada USM.

"USM merupakan sebuah menara ilmu yang menjadi tempat persiapan kepada graduan dalam menambah baik nilai terutamanya ilmu dan kepimpinan bagi menghadapi dunia kerjaya," katanya. Muhammad Syukri berharap pelajar USM dan mereka yang akan menjejak kaki ke universiti sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan dan kepimpinan di samping cemerlang dalam bidang akademik.

"Kita yang menjadi agen USM sebagai penghubung antara masyarakat Malaysia dan antarabangsa khususnya apabila melibatkan program pertukaran pelajar dalam menaikkan imej USM," kata Muhammad Syukri.

Teks: New Gaik Siew (Pelajar Internship USM)



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015